



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : GRADUAN POLYCC PANTAI TIMUR PERLU REBUT PELUANG EKONOMI BAHARU

SUMBER : BERNAMA - 9 SEPTEMBER 2026

Graduan POLYCC Pantai Timur Perlu Rebut Peluang Ekonomi Baharu

09/09/2026 02:50 PM



KUALA NERUS, 9 Sept (Bernama) -- Graduan politeknik dan kolej komuniti (POLYCC) di Pantai Timur perlu memperkasakan kemahiran dan merebut peluang pekerjaan baharu yang wujud berikutan perubahan landskap ekonomi di kawasan berkenaan yang semakin berkembang.

Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Seri Mohd Shahrir Abdulah berkata perubahan ekonomi yang sedang berlaku di Pantai Timur termasuk pelaksanaan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka mula beroperasi pada hujung tahun ini yang akan mengubah keperluan industri, peluang pekerjaan serta kemahiran yang diperlukan majikan.

"Tidak lama lagi, kita akan mempunyai satu lagi pencetus perubahan, iaitu Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang akan menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat.

"Saya percaya ECRL akan menjadi antara pemangkin penting yang membuka lebih banyak ruang kepada perdagangan, pelaburan, industri dan mobiliti tenaga kerja di Pantai Timur," katanya ketika berucap pada Majlis Konvokesyen Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur 2026 (Sidang Ketujuh) di Dewan Sultan Mizan Zainal Abidin di Universiti Malaysia Terengganu, di sini hari ini.

Majlis Konvokesyen POLYCC yang berlangsung bermula dari Ahad hingga hari ini menyaksikan sebanyak 5,715 graduan diraikan memabatkan 2,882 graduan dari Pahang, 1,497 graduan dari Kelantan, dan 1,336 dari Terengganu.

Mohd Shahrir berkata ekonomi tiga negeri di Pantai Timur, iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu juga menunjukkan potensi besar yang perlu dimanfaatkan, khususnya anak tempatan termasuk graduan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : GRADUAN POLYCC PANTAI TIMUR PERLU REBUT PELUANG EKONOMI BAHARU

SUMBER : BERNAMA - 9 SEPTEMBER 2026

"Pada 2025, ekonomi Pahang berkembang sebanyak 3.2 peratus dengan nilai KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar) kira-kira RM71 bilion. Pahang juga merekodkan RM8.1 bilion pelaburan swasta yang diluluskan, termasuk RM5.3 bilion pelaburan asing.

"Di Kelantan pula, KDNK meningkat 4.1 peratus dengan nilai lebih RM29 bilion pada 2025 dan Terengganu turut meningkat 1.6 peratus dengan nilai lebih RM40 bilion. Ini bermakna peluang pekerjaan sedang berubah. Industri sedang berubah dan kemahiran diperlukan majikan juga sedang berubah," katanya.

Beliau berkata kerajaan juga akan terus memperkasakan TVET menerusi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) bagi memastikan institusi pendidikan dan latihan menyediakan kemudahan serta persekitaran pembelajaran yang selari dengan keperluan industri.

"Hingga 2026, sebanyak 107 projek baharu dan sambungan telah diluluskan untuk POLYCC dengan kos keseluruhan RM2.23 bilion, manakala RM385.9 juta diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama 2026.

"Peruntukan ini meliputi pembangunan dan naik taraf bangunan serta infrastruktur, selain penggantian dan perolehan peralatan pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Shahar mengingatkan graduan supaya tidak hanya mengejar penguasaan teknologi, sebaliknya turut menitikberatkan nilai, akhlak dan integriti.

Beliau juga menasihati graduan supaya menjadi tenaga kerja yang cekap menguasai teknologi, matang dalam membuat pertimbangan, berintegriti dalam pekerjaan serta sentiasa meletakkan kepentingan manusia sebagai asas kepada ilmu serta kemahiran yang dimiliki.

-- BERNAMA